

Polis tidak berat sebelah, lebih ramai akan ditahan, kata Zahid
Free Malaysia Today
Nov 19, 2016

Senarai individu yang terlibat dalam perhimpunan Bersih dan Baju Merah sudah dikenal pasti namun pihak polis tidak akan mendedahkan senarai nama berkenaan.

BAGAN DATOH: Lebih ramai individu yang menyertai Bersih 5.0 dan kumpulan Baju Merah akan ditahan sebelum didakwa di mahkamah, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Menurut Zahid yang juga menteri dalam negeri itu, senarai individu yang terlibat dalam perhimpunan haram itu dikenal pasti namun pihak polis tidak akan mendedahkan senarai nama berkenaan.

Jelasnya tidak timbul isu ketidakadilan kuasa daripada polis kerana pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap kedua-dua pemimpin utama kumpulan berkenaan.

“Kita berharap dengan penangkapan pemimpin berkenaan ia merupakan satu isyarat daripada pihak polis dan undang-undang dan akta sedia ada perlu dihormati meskipun perhimpunan itu diteruskan.

“Tidak timbul isu ketidakadilan kuasa kerana bukan satu pihak sahaja yang ditahan, dan akan ramai lagi ditangkap,” katanya kepada pemberita selepas meninjau mangsa banjir di Kampung Simpang Tiga, Rungkup di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia dan Sukan negeri, Datuk Shahrul Zaman Yahya yang juga anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Rungkup dan Pegawai Daerah Bagan Datoh Datuk Hamzah Hussin.

Justeru, Zahid berkata pihaknya menyerahkan sepenuhnya kuasa dan pelaksanaan undang-undang kepada Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Pengerusi gabungan NGO Gerakan Merah Malaysia Datuk Seri Jamal Md Yunos dan Pengerusi Bersih Maria Chin Abdullah merupakan antara 14 individu yang ditahan semalam dan awal pagi ini berkaitan perhimpunan haram yang diadakan di ibu kota hari ini.

Pada 8 November lalu, Khalid berkata kedua-dua notis dihantar kepada kedua-dua kumpulan berkenaan kerana tidak memenuhi prasyarat untuk menganjurkan perhimpunan dalam Akta Perhimpunan Aman yang diadakan pada hari ini.

Dalam lawatan itu, Zahid yang juga anggota Parlimen Bagan Datoh turut menyampaikan barangan keperluan asas dan sumbangan peribadi kepada mangsa-mangsa banjir.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/19/polis-tidak-berat-sebelah-lebih-ramai-akan-ditahan-kata-zahid/>